

# 'Mahasiswa boleh main peranan jayakan gagasan 1Malaysia'

Oleh Basir Zahrom

[basir@bharian.com.my](mailto:basir@bharian.com.my)

MAHASISWA boleh memainkan peranan penting dalam menjayakan gagasan 1Malaysia kerana golongan itu berpotensi meningkat dan menyemarakkan semangat perpaduan kaum.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit Singh Gill, berkata sumbangan mahasiswa amat perlu kerana mereka aset bernilai dan barisan pelapis kepemimpinan negara.

Sehubungan itu, katanya, peranan mahasiswa dalam memahami dan menghormati kepelbagaiaan budaya etnik di Malaysia perlu diberi penekanan.

"Perkara ini penting kerana mereka sering berinteraksi dengan pelbagai kumpulan etnik ketika belajar dan mengikuti kegiatan kokurikulum di kampus."

"Jadi, dengan menerima pandangan mahasiswa dalam pembangunan universiti, kita

**“Sebagai bakal pemimpin, mereka perlu menunjukkan teladan baik dari segi tingkah laku, adab sopan dan tutur kata kerana masyarakat melihat mahasiswa sebagai orang berilmu”**

**Dr Sarjit Singh Gill**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia

dapat mengubah persepsi perkauman," katanya ketika menyampaikan ceramah Program Satu Hati, Satu Inspirasi (Sehati) di UPM, baru-baru ini.

Sehati adalah usaha dan komitmen kepemimpinan Majlis Perwakilan Pelajar institusi pengajian tinggi seluruh negara dalam menyemarakkan sema-

ngat 1Malaysia kepada warga kampus.

Sarjit Singh berkata, mahasiswa juga perlu memainkan peranan bagi memartabatkan nilai moral dan rohaniah dalam kehidupan bermasyarakat.

"Sebagai bakal pemimpin, mereka perlu menunjukkan teladan baik dari segi tingkah laku, adab sopan dan tutur kata kerana masyarakat melihat mahasiswa sebagai orang berilmu."

"Selain itu, mereka hendaklah menyalurkan pandangan secara berhemah kepada pihak berwajib untuk meningkatkan semangat perpaduan masyarakat Malaysia."

"Sekiranya tidak bersikap proaktif dan peka, masyarakat akan melabel mahasiswa sebagai lesu, kurang peka dan tidak prihatin dengan perkembangan semasa," katanya.

Beliau berkata, pemimpin mahasiswa juga perlu mengambil inisiatif menyampaikan mesej gagasan 1Malaysia kepada masyarakat menerusi pelbagai kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi.